

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**KECERDASAN EMOSI DAN KEPUASAN KERJA GURU – GURU PENDIDIKAN
SENI VISUAL.**

AHMAD SHAUFIE BIN HJ. MASRON

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
SARJANA PENDIDIKAN (SENI)**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRAK

Kajian sebelum ini menunjukkan kecerdasan emosi dapat meningkatkan produktiviti, inovasi dan kecekapan organisasi. Salovey dan Mayer (1990), telah mendefinisikan EQ sebagai, suatu subset dari kecerdasan sosial yang merujuk kepada kebolehan seseorang meneliti emosi atau perasaan dirinya atau orang lain, membezakan emosi ini dan menggunakannya sebagai panduan membentuk suatu cara fikir dan tindakan. Dalam meneliti kecemerlangan hidup, ramai pakar percaya bahawa 80% bergantung kepada kekuatan EQ dan hanya 20% sahaja berdasarkan ketinggian IQ.

Pendidikan adalah satu proses yang kompleks dan dipengaruhi oleh banyak faktor penggerak. Penggerak utama pendidikan dalam bilik darjah adalah guru dan mereka seharusnya menggunakan emosi untuk mengarahkan sikap dan cara berfikir pelajar supaya mencapai matlamat. Kajian ini dibuat untuk melihat mengapa guru-guru pendidikan seni visual kini sentiasa bersungut dan tidak bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas mereka.

Kajian ini akan melihat adakah keadaan ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan faktor tahap kecerdasan emosi dan kepuasan kerja yang dimiliki oleh guru pendidikan seni tersebut. Kaedah penyelidikan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan yang menggunakan soal-selidik bagi mengukur tahap kecerdasan emosi dan soal-selidik bagi mengukur kepuasan kerja guru. Sesungguhnya kajian ini boleh memberi sumbangan ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan keguruan dan juga ke arah memartabatkan profesion ini agar dipandang mulia oleh semua lapisan masyarakat.

ABSTRACT

This research showed that emotional intelligence managed to upgrade productivity, motivation and organizational competence. Salovey and Mayer (1990), defines EQ as a subset of social intelligence that refers to the individual ability to study emotions and feelings of self or others, to differentiate these emotions and use it as guidance to create thoughts and response. In studying life excellence, many specialists believe that 80% depends on EQ strength and only 20 % depends on IQ intelligence.

Education is a very complex process and is influenced by many factors . The main motivator in classroom education is teachers who should use emotions to mould behaviour and attitude to achieve goals. Relationship with student is the main asset to teaching and should be manipulated so that it would not hinder the educational process. This study is carried out to discover the present why teachers teaching visual arts the usually complain and aren't really doing their job. This study is also carried out to find the reasons why visual arts teachers also are not serious not motivated to carry out their responsibility as educators.

The method of study is survey method by using questionnaires with the aim to measure emotional intelligence and teacher's satisfaction on the job. It is also believed that this study could contribute towards upgrading the quality of teacher's service and profession.

KANDUNGAN

Muka Surat

HALAMAN JUDUL	ii	
PENGAKUAN	iii	
PENGHARGAAN	iv	
DEDIKASI	v	
ABSTRAK	vi	
ABSTRACT	vii	
KANDUNGAN	viii	
SENARAI JADUAL	xii	
SENARAI RAJAH	xiv	
BAB 1	MASALAH KAJIAN	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Pernyataan Masalah	2
1.2	Objektif Kajian	5
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Hipotesis Kajian	7
1.5	Kerangka Konsep Kajian	8
1.6	Kepentingan dan Faedah Kajian	9
1.7	Definisi Istilah	10
	1.7.1Kecerdasan	

	1.7.2 Emosi	
	1.7.3 Kecerdasan Emosi (EQ)	
	1.7.4 Guru Pendidikan Seni Visual	
	1.7.5 Kategori Sekolah	
	1.7.6 Suasana Kerja	
	1.7.7 Gaya Kepimpinan dan Penyeliaan	
	1.7.8 Rakan Sekerja	
	1.7.9 Hubungan Dengan Ibu Bapa	
1.8	Batasan Kajian	14
1.9	Kesimpulan	15

BAB 2 TINJAUAN PENULISAN

2.0	Pendahuluan	16
2.1	Latar Belakang Guru Pendidikan Seni Visual	17
	2.1.1 Guru Pendidikan Seni Visual Di Malaysia	
	2.1.2 Guru Pendidikan Seni Visual Daerah Sabak Bernam	
2.2	Definisi Kecerdasan Emosi	49
2.3	Definisi Kepuasan Kerja	53
2.4	Konsep Kecerdasan Emosi	55
2.5	Faktor – Faktor Yang Menimbulkan Emosi	57
2.6	Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Kepuasan Kerja	59
	2.6.1 Pekerjaan	
	2.6.2 Gaji dan Imbuhan	
	2.6.3 Kumpulan Kerja	
	2.6.4 Keadaan Tempat Kerja	
	2.6.5 Pelajar	
	2.6.6 Penyeliaan	
	2.6.7 Beban Kerja	
	2.6.8 Hubungan Dengan Ibu bapa	
	2.6.9 Peluang Kenaikan Pangkat	
2.7	Teori – Teori Emosi	64
	7.1 Teori Tindak Balas Badan James – Lange	
	2.7.2 Teori Saraf Pusat Cannon – Bard	
	2.7.3 Teori Perkembangan Kognitif Lazarus – Schachter	
	2.7.4 Teori Emosi Kontemporari	
2.8	Teori – Teori Kepuasan Kerja	76
	2.8.1 Teori Keperluan Manusia Maslow	
	2.8.2 Teori Motivasi Dua – Faktor Herzberg	
	2.8.3 Teori Jangkaan Vroom	

2.9	Kajian Dalam Dan Luar Negara Tentang Kecerdasan Emosi	83
2.10	Dan Kepuasan Kerja	90
	Kesimpulan	

BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN

3.0	Pengenalan	92
3.1	Rekabentuk Kajian	93
3.2	Sampel Kajian	96
3.3	Tatacara Kajian	100
3.4	Analisa Data	100
3.5	Kesimpulan	101

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	102
4.1	Latar Belakang Responden	103
4.2	Analisis Deskriptif	110
4.3	Dapatan dan Pengujian Hipotesis	113
4.4	Kesimpulan	124

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	126
5.1	Perbincangan dan Cadangan	127
5.2	Kesimpulan	142

BIBLIOGRAFI 144

LAMPIRAN A	
Surat Kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia	
Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	149

LAMPIRAN B	
Surat Memohon Kebenaran Kajian kepada Jabatan Pendidikan	
Negeri Selangor.	151

LAMPIRAN C

Surat Kebenaran daripada Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris	152
---	-----

LAMPIRAN D

Surat Kebenaran Membuat Kajian daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.	153
---	-----

LAMPIRAN E

Borang Soal Selidik	154
---------------------	-----



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SENARAI JADUAL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Jadual

muka surat

2.1	Bilangan guru sekolah menengah	21
2.2	Keperluan guru tahun 2000	23
2.3	Taburan responden mengikut etnik dan jantina	26
2.4	Guru PSV opsyen dan bukan opsyen	28
2.5	Persediaan guru pendidikan seni visual	30
2.6	Kenaikan pangkat guru pendidikan seni visual	31
2.7	Status mata pelajaran pendidikan seni 1999	33
2.8	Kualiti pembelajaran pelajar PSV	35
2.9	Kualiti pengajaran guru PSV	37
2.10	Kualiti pengurusan pendidikan seni visual	39
2.11	Pencapaian mata pelajaran PSV	42
3.1	Taburan bilangan soalan kecerdasan emosi	94
3.2	Taburan bilangan soalan kepuasan kerja	95
3.3	Senarai sekolah responden bertugas	97
3.4	Pengkelasan responden mengikut etnik dan jantina	98
4.1	Taburan responden mengikut kumpulan etnik	103
4.2	Taburan responden mengikut umur	104
4.3	Taburan responden mengikut gaji/pendapatan	106
4.4	Taburan responden mengikut kelulusan akademik	107
4.5	Taburan responden mengikut kelulusan iktisas	107
4.6	Taburan responden mengikut pengalaman mengajar	108

4.7	Taburan waktu mengajar seminggu	109
4.8	Taburan beban kerja responden	110
4.9	Skor min dan sisihan piawai pemboleh ubah bebas	110
4.10	Skor min dan sisihan piawai pemboleh ubah bersandar	111
4.11	Korelasi di antara faktor-faktor kepuasan kerja dan kecerdasan emosi	112
4.12	Hubungan kecerdasan emosi dengan pekerjaan	113
4.13	Hubungan kecerdasan emosi dengan pekerjaan	114
4.14	Hubungan kecerdasan emosi dengan gaji/imbuhan	115
4.15	Hubungan kecerdasan emosi dengan rakan-rakan di tempat kerja	116
4.16	Hubungan kecerdasan emosi dengan suasana kerja	117
4.17	Hubungan kecerdasan emosi dengan pelajar	118
4.18	Hubungan kecerdasan emosi dengan penyeliaan	119
4.19	Hubungan kecerdasan emosi dengan beban kerja	121
4.20	Hubungan kecerdasan emosi dengan ibu bapa	122
4.21	Hubungan kecerdasan emosi dengan peluang kenaikan pangkat	123

SENARAI RAJAH

Rajah		muka surat
1.1	Hubungan kecerdasan emosi dan faktor yang mempengaruhinya	9
2.1	Teori tindak balas James-Lange	66
2.2	Teori Cannon	69
2.3	Teori kognitif Lazarus-Schacter	73
2.4	Tatatingkat keperluan Maslow	76
2.5	Keperluan asas pekerja	77
2.6	Konsep valence dan jangkaan	80
2.7	Model teori harapan	82

BAB 1

MASALAH KAJIAN

1.0 Pengenalan

Akhir – akhir ini sistem persekolahan lebih berorientasikan peperiksaan atau dengan kata lain menjurus kepada kecemerlangan akademik. Lantaran itu guru – guru secara tidak langsung menerima tempas pelbagai tekanan dalam kerjayanya. Justeru itu dalam bab ini penulis akan membincangkan tentang permasalahan kajian. Ianya merangkumi perkara – perkara yang berkaitan dengan latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan dan faedah kajian dan definisi istilah juga dibincangkan.

1.1 Pernyataan Masalah

Kebelakangan ini terdapat banyak rungutan dari kalangan guru tentang tidak kepuasan kerja mereka. Terdapat rungutan daripada kalangan guru yang bebanan kerja mereka semakin bertambah jika dibandingkan dengan pengiktirafan, atau imbuhan yang diperolehi. Bekerja sebagai guru tidak lagi dipandang tinggi oleh kebanyakan ahli masyarakat. Di sekolah, guru berhadapan dengan pelbagai kerenah pelajar yang semakin sukar dikawal. Masalah disiplin, gejala sosial dari luar sekolah semakin menular ke dalam sekolah. Guru-guru terpaksa berhadapan dengan pelbagai kerenah pelajar, kehendak birokrasi, tuntutan ibu bapa dan negara, di samping mendidik pelajar menjadi orang yang berilmu dan berakhlak mulia.

Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa tugas yang memberi banyak tekanan atau stres di kalangan guru mempunyai implikasi yang serius terhadap hasil kerja, kesihatan dan status psikologikal mereka. (Kyriacou & Sutcliffe, 1978; Manthel & Solmon, 1988; O'connor & Clarke, 1990). Tidak kurang juga guru – guru yang bangga terhadap tugas mereka, dan mendapat kepuasan daripadanya. (J.Smilansky, 1984; Ghazali Othman, 1979; Noran Fauziah Yaakob & Sharifah M.Noor, 1990).

Bidang perguruan, yang satu masa dahulu disanjung masyarakat, kini tidak lagi menarik minat anak – anak muda untuk menyertai. Mereka yang menyertainya juga disebabkan tiada pilihan lain, atau dengan kata lain pekerjaan ini merupakan pilihan terakhir buat mereka. Mereka bekerja untuk makan gaji sahaja. Dedikasi terhadap tugas telah menurun. Ada yang merasa tidak puas kerana pelbagai sebab

tersendiri. Bidang ini nampaknya amat kurang menarik bagi kaum lelaki dan ia amat ketara sekali. Perangkaan menunjukkan bahawa lebih kurang 2/3 jumlah guru terdiri daripada kaum wanita. Permintaan untuk memasuki maktab perguruan juga rata – rata dimonopoli oleh kaum wanita.

Sargent (1967) menjelaskan, pengukur utama kejayaan sesebuah sekolah ialah darjah keupayaannya memberi pendidikan yang baik kepada para pelajarnya. Sekolah akan diklasifikasikan sebagai sebuah sekolah yang baik jika keputusan peperiksaan awam yang dicapainya adalah baik, mengatasi sekolah-sekolah lain. Tetapi, tidak dapat dinafikan bahawa faktor guru dan kemudahan fizikal sekolah berkenaan turut berperanan membantu kejayaan sesebuah sekolah. Ini bererti isu-isu kebajikan guru seperti gaji, polisi sekolah, penglibatan masyarakat dan jangkaan ibu bapa turut mempengaruhi gelagat guru yang secara langsung akan memberi kesan kepada kejayaan sekolah.

Kepuasan kerja/ketidakpuasan kerja guru memang telah banyak dibuat penyelidikan dari dalam dan luar negara. Tajuk ini menjadi minat pelbagai pihak kerana ia berfungsi dengan berkesan di dalam sistem persekolahan. Guru – guru sebenarnya perlu mencari dan mendapat kepuasan kerja, sama ada ianya datang dari dalam diri atau melalui aspek – aspek luaran. Pada masa yang sama pengiktirafan daripada badan tertinggi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia amat diperlukan selain Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua mahupun masyarakat amnya ke arah meningkatkan tahap kepuasan dan profesionalisme guru.

Menyebut sahaja pendidikan seringkali ia amat sinonim dengan guru dan pelajar dan tergambar bangunan sekolah. Sebagaimana kita maklum bukan semua orang mampu menjadi guru. Seorang guru yang tinggi inteletiknya dan akademiknya belum tentu mampu mengawal emosi dengan baik apabila berhadapan dengan kerenah pelajarannya. Ini kerana subjek yang ingin kita bangunkan bukan bahan mati tetapi satu jasad yang terus bergerak dan berkembang sama ada dari fizikal, rohani dan jasmaninya. Sebab itu ia merupakan proses yang kompleks dan dipengaruhi oleh banyak faktor. Pengambilan dan latihan perguruan harus mengambilkira hubungan ini sebagai satu ciri guru yang strategik dan kestabilan emosi seharusnya dimiliki oleh mereka. Sewajarnya bukan kelulusan atau gred akademik diletakkan sebagai batu asas utama. Namun demikian realitinya inilah yang telah dan sedang berlaku sekarang.

Terdapat di kalangan guru yang sentiasa berpandangan negatif terhadap pekerjaan mereka. Keadaan ini memberi kesan kepada motivasi, gelagat dan kepuasan kerja mereka semasa menjalankan tugas. Mereka berkemungkinan mengalami masalah emosi seperti tekanan perasaan, suasana yang menjemukan, kekecewaan, kepenatan, kebimbangan dan tidak menyeronokkan. Semua ini boleh merendahkan tahap produktiviti kerja mereka. Maka, menjadi tugas dan tanggungjawab pihak pengetua untuk mewujudkan suasana persekitaran dan menyediakan pelbagai keperluan lain yang sesuai untuk mengatasi masalah ini

Kajian ini bagaimanapun hanya akan mengkaji hubungan tahap kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja guru-guru pendidikan seni visual sahaja. Kecerdasan

emosi ini perlu dikaji kerana terdapat kajian yang menunjukkan bahawa kecerdasan emosi boleh mempengaruhi kualiti kerja guru. Emosi sebenarnya adalah keadaan kebangkitan seseorang sebagai satu reaksi atau tindakbalas terhadap sesuatu benda atau keadaan. Orang yang matang emosinya tidak selalu bertukar-tukar corak semasa menyatakan emosinya. Kematangan emosi bukanlah satu keadaan di mana semua masalah dapat diselesaikan tetapi lebih merupakan proses yang berterusan bagi memperhalusi, menilai, cuba menggabungkan perasaan, pemikiran, dan tingkah laku. Kajian lepas menunjukkan kecerdasan emosi dapat meningkatkan produktiviti, inovasi dan kecekapan organisasi.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah ;

- a) Mengkaji tahap kecerdasan emosi guru – guru pendidikan seni visual.
- b) Mengkaji hubungan di antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja guru – guru pendidikan seni visual

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini akan melihat tahap kecerdasan emosi dan kepuasan kerja guru – guru pendidikan seni visual yang berlaku di sekolah menengah di daerah Sabak Bernam, Selangor. Persoalan kajian adalah seperti berikut :

- a) Adakah terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan pekerjaan secara am.
- b) Adakah terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan gaji dan imbuhan.
- c) Adakah terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan kumpulan kerja.
- d) Adakah terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan keadaan tempat kerja.
- e) Adakah terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan pelajar.
- f) Adakah terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan penyeliaan.
- g) Adakah terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan beban kerja.
- h) Adakah terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan hubungan dengan ibu bapa.
- i) Adakah terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dengan peluang kenaikan pangkat.

1.4 Hipotesis

Objektif pertama akan diuraikan secara deskriptif dan tidak mempunyai hipotesis nol kajian. Objektif yang kedua akan dikaji berdasarkan hipotesis berikut :

H₀₁ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan pekerjaan.

H₀₂ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan gaji dan imbuhan.

H₀₃ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan kumpulan kerja.

H₀₄ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan keadaan tempat kerja.

H₀₅ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan pelajar.

H₀₆ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan penyeliaan.

H₀₇ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan

beban kerja.

H₀₈ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan

hubungan dengan ibu bapa.


H₀₉ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan

peluang kenaikan pangkat.

Paras keertian, $p = 0.05$ akan digunakan di dalam menguji hipotesis – hipotesis nol kajian.

1.5 Keraangka Konsep Kajian

Pengkaji akan melihat perhubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas ialah Kepuasan Kerja yang merangkumi pekerjaan, gaji, rakan sekerja, suasana kerja, pelajar, gaya kepimpinan dan penyeliaan, beban kerja, hubungan dengan ibu bapa dan kenaikan pangkat. Manakala Pemboleh ubah Bersandar pula ialah sendiri, empati, hubungan interpersonal, optimisma, menyelesaikan masalah, penyelesaian tekanan dan kegembiraan.



Pemboleh ubah bersandar

Pemboleh ubah bebas

Rajah 1.1

Hubungan kecerdasan emosi dan faktor – faktor yang mempengaruhinya

1.6 Kepentingan Dan Faedah Penyelidikan

Kajian ini adalah perlu dijalankan kerana ia membawa kepada beberapa kepentingan;-

- 1) Dapat memberi maklumat dan panduan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia tentang tahap kecerdasan emosi dan kepuasan kerja guru pendidikan seni visual.
- 2) Dapat memberi cadangan kepada pihak Kementerian dan juga JPN dalam menjalankan usaha membentuk program bagi kesihatan mental dan rohani.

- 3) Kepada pihak Universiti dan maktab agar hasil kajian dapat dijadikan asas kepada perbincangan kepentingan kecerdasan emosi dan kepuasan kerja dan penyediaan program guru – guru pendidikan seni visual.
- 4) Kepada pihak pengurusan sekolah kajian ini akan membolehkan bantuan diberi kepada guru – guru pendidikan seni visual yang mempunyai tahap kecerdasan emosi dan kepuasan kerja yang rendah.
- 5) Kajian ini akan dapat memberi sumber ilmu kepada bidang pengurusan sumber manusia dalam dunia pendidikan seni visual khususnya.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Kecerdasan

Menurut Kamus Dewan 1997, kecerdasan boleh didefinisikan sebagai kesempurnaan akal untuk berfikir, mengerti dan lain – lain seperti kepintaran, kecerdikan dan keintelektualan. Menurut ahli psikologi Jean Peaget (1950), kecerdasan bermaksud kebolehan individu berfikir atau menaakul dalam usahanya menyesuaikan diri dengan persekitaran. Menurut Kalat (1999), kecerdasan adalah kombinasi kebolehan umum dan kemahiran praktis. Bagi Weschler (1975), berpendapat kecerdasan sebagai kebolehan seseorang individu memahami alam sekitarnya, dirinya, dan kepakaran yang dimilikinya untuk membantunya menghadapi cabaran hidup. Manakala Thorndike (1913, dalam Ramlah et. al 2002), berpendapat kecerdasan adalah tret atau

satu tret sahsiah yang membezakan individu lebih mahir atau berkebolehan daripada individu lain dalam kumpulannya.

1.7.2 Emosi

Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-3, emosi boleh dikatakan sebagai perasaan yang kita alami, perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, gembira, takut dan lain – lain. Emosi berdasarkan Oxford English Dictionary adalah setiap kegiatan atau pergolakan fikiran, perasaan, nafsu atau setiap keadaan mental yang hebat. Manakala Goleman (1996 : 17 -20), merumuskan bahawa emosi adalah merujuk pada suatu perasaan dan fikiran khasnya, suatu keadaan biologi dan psikologi serta kecenderungan untuk bertindak. Dengan itu dapat dirumuskan emosi merupakan suatu pengalaman yang kompleks hasil gabungan aktiviti fisiologi dan neurologi. Secara amnya ia merupakan hasil dari perasaan di masa lalu. Konsep emosi secara dasarnya sama seperti konsep motivasi, tetapi terdapat beberapa perbezaan yang ketara di antara keduanya. Ahli psikologi melihat konsep emosi berbeza dari konsep motivasi dari segi fungsi dan kegunaannya.

1.7.3 Kecerdasan Emosi (EQ)

Daniel Goleman (1995) mendefinisikan EQ sebagai kemampuan untuk memotivasikan diri sendiri, bertahan dalam menghadapi tekanan, mengawal kehendak hati, bijak menyesuaikan diri dan berkemampuan menjaga tekanan dengan baik. Kecerdasan emosi tidaklah berdasarkan bagaimana pintarnya seseorang individu tetapi lebih menekankan apakah ciri sahsiah yang dimilikinya (Ramlah & Mahani,2002). Bagi Cooper & Sawaf (1998), mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai satu kebolehan untuk memahami, perasaan dan menerapkan kekuatan dan kecekapan dalam diri seseorang.

Manakala Dr.Ismail Zain (2001), berpendapat sesuatu yang boleh mengubah peribadi seseorang yang akhirnya dapat membaiki atau menjejaskan kedudukan dan hubungan mesra antara individu. Mengambil perspektif agama, Islam menjelaskan kecerdasan emosi dalam surah Ali Imran ayat 133, ialah sesuatu yang dipunyai oleh orang – orang muttaqin, yakni orang – orang bersedekah dengan hartanya di waktu senang ataupun susah, orang – orang yang dapat mengawal perasaan marahnya dan orang – orang yang sanggup memaafkan kesalahan orang lain.

1.7.4 Guru pendidikan seni visual

Guru pendidikan seni visual bermaksud tenaga pengajar yang berkhidmat di sekolah yang dikaji.

1.7.5 Kategori sekolah

Iaitu sekolah menengah gred A dan sekolah menengah gred B. Kategori ini dibuat berdasarkan jumlah pelajar di sekolah itu.

1.7.6 Suasana kerja

Ia merujuk kepada kemudahan asas yang terdapat di sekolah, seperti bilik guru, kerusi dan meja yang sesuai, kipas angin, pendingin hawa, bekalan air, elektrik dan telefon, kemudahan tandas dan bilik mandi, kantin, bilik darjah, bilik seni dan sebagainya.

1.7.7 Gaya kepimpinan dan penyeliaan

Ialah gaya pengetua menguruskan pentadbiran sekolah. Pengurusan di sini menjurus kepada cara pengetua mengendalikan aspek “manusia” dalam pentadbirannya.

1.7.8 Rakan sekerja

Bermaksud guru – guru lain yang bekerja di sekolah yang sama. Hubungan dengan rakan sekerja dalam konteks ini bermaksud kerjasama dan semangat permuafakatan yang terjalin dalam masa menjalankan tugas.

1.7.9 Hubungan dengan ibu bapa

Merujuk kepada sikap yang ditunjukkan oleh ibu bapa terhadap pekerjaan guru yang mendidik anak mereka, iaitu sikap prihatin ibu bapa dengan selalu datang bertanyakan tentang perkembangan pendidikan anak mereka. Pada masa yang sama mengucapkan terima kasih kerana anak mereka telah berjaya dalam peperiksaan dan bantuan yang diberi melalui Persatuan Guru yang terdapat di sekolah berkenaan.

1.8 Batasan kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah tertumpu kepada guru-guru yang mengajar di sekolah menengah daerah Sabak Bernam yang dinyatakan. Maklumat-maklumat yang didapati daripada kajian ini adalah terbatas kepada guru yang sedang berkhidmat di sepuluh buah sekolah yang dipilih sahaja. Ia mengkaji tahap kecerdasan emosi dan hubungannya dengan kepuasan kerja guru – guru pendidikan seni visual.